

D425

U B707 AAB

MAHATHIR - TIMBANGTARA (ULANGAN DENGAN PEMEBETULAN) R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA AHLI PERNIAGAAN MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA AKTA TIMBANGTARA MALAYSIA YANG SUDAH DIPINDA YANG MEMINDAHKAN TIMBANGTARA YANG DIJALANKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG PUSAT SERANTAU TIMBANGTARA KOMERSIL ANTARABANGSA KUALA LUMPUR, DARIPADA PENGAWASAN MAHKAMAH.

KATANYA, MANFAAT INI TERBUKA KEPADA MANA-MANA PIHAK YANG MEMILIH UNTUK DITIMBANGTARA DI BAWAH UNDANG-UNDANG PUSAT SERANTAU KUALA LUMPUR.

SEJAK PUSAT ITU DITUBUHKAN PADA TAHUN 1978, IA TELAH MENGGALAKKAN PENUBUHAN BEBERAPA INSTITUSI TIMBANGTARA LAIN DI RANTAU ASIA-PASIFIK BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN AHLI PERNIAGAAN, DALAM KONTEKS MELUASKAN PERNIAGAAN DAN MEMBUKA PASARAN BARU DALAM LEMBAGAN PASIFIK, KATANYA.

PUSAT-PUSAT BARU ITU IALAH DI VANCOUVER, LOS ANGELES, SYDNEY, MELBOURNE, DARWIN DAN HONG KONG.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN PADA PERASMIAN PERSIDANGAN DUA HARI TIMBANGTARA KOMERSIL ANTARABANGSA ANJURAN PUSAT SERANTAU TIMBANGTARA KOMERSIL ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI. -- LAGI.  
1252MST 04 07 89

U B709 AAB

MAHATHIR - TIMBANGTARA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, INI MENUNJUKKAN TERDAPAT KESEDARAN YANG BERTAMBAH TENTANG PENTINGNYA TIMBANGTARA DAN PROSEDUR LAIN SEPERTI PERUNDINGAN, BERBAIK-BAIK ATAU PERBINCANGAN DAN PERLUNYA PENYELESAIAN PERTIKAIAN DENGAN SEGERA SECARA TERTUTUP DAN JAUH DARIPADA PUBLISITI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU GEMBIRA KERANA PUSAT KUALA LUMPUR ITU TELAH MULA MENJALANKAN TIMBANGTARA DAN JUGA MEMBANTU MENGGALAKKAN IDEA TIMBANGTARA DALAM KONTEKS DALAM NEGERI.

BELIAU BERKATA KEADAAN TIMBANGTARA TELAH BERUBAH DAN BERTUKAR SEGERA KERANA RAMAI ORANG BARU MEMASUKI BIDANG ITU BAGI MENAMPUNG PASARAN BARU YANG DIBUKA DENGAN NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN BARU (NIC) MENGAMBIL TEMPAT MEREKA DI KALANGAN NEGARA PERINDUSTRIAN DAN DASAR PERINDUSTRIAN ASIA MENJADI LEBIH BESAR DAN BERPELBAGAI.

PERDANA MENTERI BERKATA KETIKA BELIAU MERASMIKAN PERSIDANGAN PERTAMA YANG DIJALANKAN OLEH PUSAT ITU PADA TAHUN 1979, BELIAU BERKATA BELIAU AKAN MEMPERAKUKAN KEPADA KERAJAAN SUPAYA MALAYSIA MENERIMA KONVENSYEN BAGI PENGIKTIRAFAN DAN PENGUATKUASAAN ANUGERAH TIMBANGTARA NEW YORK 1958.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN KETIKA ITU BAHAWA KERAJAAN AKAN MENGHORMATI FUNGSI BEBAS PUSAT ITU SEBAGAI INSTITUSI TIMBANGTARA BEBAS DAN MALAYSIA AKAN MENGAJAI PERUNDANGAN YANG BERHUBUNG DENGAN TIMBANGTARA. -- LAGI.

1309MST 04 07 89

U B710 AAB  
MAHATHIR - TIMBANGTARA 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SUDAH PUN MENERIMA KONVENSYEN ITU.

+INI BERERTI KEPUTUSAN YANG DIBUAT DALAM PROSIDING TIMBANGTARA DI BAWAH NAUNGAN PUSAT BOLEH DIKUATKUASAKAN DI DALAM DAN DI LUAR MALAYSIA, DI NEGARA-NEGARA YANG TELAH MENERIMA KONVENSYEN ITU,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN TENTANG PENTINGNYA DIPERKUKUHKAN KEYAKINAN DALAM PROSES TIMBANGTARA, DI MANA PENIMBANGTARA MESTI MENJALANKAN PROSIDING TANPA BERAT SEBELAH DAN DENGAN BEBAS.

BELIAU BERKATA AHLI PERNIAGAAN TIDAK SUKA MASALAH DAN RAHSIA TEKNIKAL MEREKA DIDEDAHKAN KEPADA RAMAI KERANA IA MENERUHKAN HUBUNGAN ANTARA PIHAK-PIHAK, YANG KALAU BOLEH, MAHU MENERUSKAN KONTRAK SEHINGGA IA SELESAI.

MEREKA JUGA TIDAK SUKA WANG MEREKA DITAHAN SEBEGITU LAMA DAN DALAM KONTEKS INI, KATA BELIAU, SIKAP SIMPATI MAHKAMAH DALAM AMALAN TIMBANGTARA AKAN BANYAK MEMBANTU MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TIMBANGTARA DALAM PENYELESAIAN PERTIKAIAN KOMERSIL SEBAGAI SATU ALTERNATIF. -- LAGI.

1310MST 04 07 89

0435

U B711 AAB  
MAHATHIR - TIMBANGTARA 4 KUALA LUMPUR

PUSAT KUALA LUMPUR ITU DITUBUHKAN PADA TAHUN 1978 BAGI MENGGALAKKAN PENGGUNAAN TIMBANGTARA DI RANTAU ASIA-PASIFIK SEBAGAI SATU ALTERNATIF KEPADA PERBICARAAN DI MAHKAMAH BAGI MENYELESAIKAN PERTIKAIAN DALAM KONTRAK KOMERSIL ANTARABANGSA.

KIRA-KIRA 120 PESERTA DARI THAILAND, SINGAPURA, HONG KONG DAN IRAN MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU. TURUT HADIR IALAH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK SERI RAFIDAH AZIZ, PEGUAM NEGARA TAN SRI ABU TALIB OTHMAN DAN PENGARAH PUSAT SERANTAU BAGI TIMBANGTARA CIK P.G.LIM. -- BERNAMA.

1312MST 04 07 89